

Headline	KP FRIM terima Anugerah Tokoh Buku Penyelidikan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	679 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,629



# KP FRIM terima Anugerah Tokoh Buku Penyelidikan

**K**ETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod menerima Anugerah Perdana bagi Kategori Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, dalam Majlis Anugerah Buku Negara yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Pemilihan Abd. Latif sebagai penerima anugerah ini mengiktiraf sumbangan beliau mempelopori usaha menterjemah penerbitan saintifik FRIM kepada bentuk buku-buku Mesra Ilmu (*Coffee-table books*) yang lebih mudah difahami.

Abd Latif yang dilantik sebagai ketua pengarah FRIM pada 2008 menghasilkan lebih daripada 300 penulisan saintifik berkaitan bidang alam sekitar ketika berkhidmat sebagai pegawai penyelidik FRIM.

Beliau dipilih sebagai *Top Research Scientist Malaysia* pada 2013 dan dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia (ASM) sejak tahun lepas.

“Saya bersyukur kerana dipilih untuk menerima anugerah ini dan berharap, melalui pengiktirafan sebegini, lebih banyak lagi buku penyelidikan yang dapat diterjemahkan untuk manfaat masyarakat,” ujar beliau.

Menurut Abdul Latif lagi, anugerah tersebut merupakan pengiktirafan terbaik pernah beliau peroleh dan menyifatkannya sangat bermakna kerana dapatan penyelidikan dapat disampaikan dalam bentuk tidak terlalu teknikal kepada semua peringkat masyarakat.

“Impian saya agar ia dapat mewujudkan budaya memahami dan menyayangi alam sekitar khususnya yang berteraskan perhutanan.

“Saya juga yakin, perkongsian maklumat dalam bentuk buku terutamanya bersifat mesra ilmu merupakan satu komitmen dan tanda terima kasih saintis kepada kerajaan, dan masyarakat sejagat,” ujar beliau selepas menerima anugerah berupa piala dan sijil tersebut.

Di bawah bimbingan beliau, FRIM berjaya menghasilkan lebih 214 judul penerbitan rasmi termasuk 22 buku mesra ilmu.

Empat daripada buku-buku mesra ilmu tersebut meraih Anugerah Buku Negara Kategori Buku Teknikal Terbaik, Buku Umum Terbaik (Sains) dan Anugerah Perdana Kategori Penyelidikan masing-masing pada 2010, 2012 dan 2013.

Selain Abd. Latif, penerima lain Anugerah Perdana 2015 termasuk Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim bagi Tokoh Sejarahwan dan Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa bagi Anugerah Perdana Za’ba Kategori Tokoh Linguistik.

Pada majlis yang sama, buku *Seni Tanaman Hiasan Dalam* yang ditulis oleh Pegawai Penyelidik FRIM, Dr. Sreetheran Maruthaveeran turut dilancarkan oleh Ahmad Zahid.

Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun ini mengandungi pelbagai maklumat dan panduan dalam memilih tanaman hiasan yang sesuai bagi sesuatu ruang dalaman, serta kaedah penjagaan dan penyelenggaraan.

Penerbitan buku tersebut kenapa pada masanya sesuai dengan kesedaran dan keprihatian dalam aspek landskap di kawasan bandar dan usaha ke arah mewujudkan negara taman.

Pendek kata buku tersebut menyokong usaha penghijauan atau aktiviti pelandskapan telah dilaksanakan. Dengan terbitnya buku tersebut, bahan bacaan dan rujukan yang mudah diperoleh akan mendorong masyarakat untuk lebih cenderung mencari aktiviti seni taman dan landskap.

Buku tersebut ditampilkan dalam bentuk buku bergambar dengan olahan teks yang mudah. Pengolahannya yang mudah bertujuan membekalkan pembacaan kepada pelbagai lapisan masyarakat dan pastinya menjadi satu faktor tarikan pembaca.

Buku ini juga sesuai digunakan sebagai bahan rujukan bagi pelajar yang mengikuti kursus hortikultur dan reka bentuk landskap di peringkat institut pengajian tinggi.

Selain itu, buku ini juga menerangkan cara untuk mengaplikasikan seni landskap dalaman atau memperagakan sesuatu idea dengan cara yang kreatif.

Dalam setiap bab diselitkan juga beberapa ruangan seperti info laman dan tip laman.

Ruangan tersebut menyalurkan informasi terkini mengenai hasil kajian dalam bidang seni hias landskap dalaman, sejarah dan maklumat mengenai tanaman hiasan dalaman serta aspek penjagaan dan penyelenggaraan tumbuhan hiasan dalaman.

Ruangan-ruangan ini disediakan supaya maklumat tambahan dapat disalurkan kepada pembaca dalam bentuk yang ringkas, padat dan menarik.

● **Bab 1** membincangkan elemen-elemen dan prinsip-prinsip dalam reka bentuk secara umum.

Terdapaturaian dan aplikasi setiap elemen dan prinsip, berserta dengan contoh dalam bidang seni hias landskap dalaman.

Elemen dan prinsip ini akan digunakan sebagai asas dalam proses perancangan dan pembangunan sesuatu reka bentuk.

Untuk memahami dengan lebih lanjut tentang istilah reka bentuk, secara ringkasnya elemen dan prinsip reka bentuk di dalam bab ini dijelaskan dengan mudah dalam bentuk illustrasi.

● **Bab 2** membincangkan aspek keperluan asas tanaman hiasan dalaman. Aspek ini merangkumi keperluan air, udara, bahan, cahaya dan kelembapan.

Bab ini juga menerangkan keadaan persekitaran yang sesuai bagi pertumbuhan tumbuhan hiasan dalaman.

● **Bab 3** mengenangkan aspek penjagaan atau penyelenggaraan, seperti penyiraman, pencantasan, pembajaan, pengilatan daun dan penukaran pasu.

Memandangkan bidang pelandskapan ialah proses yang dinamik, penjagaan ialah satu rutin yang penting. Seperti tanaman lain, tanaman landskap dalaman juga harus diberi penjagaan yang teliti, seperti kaedah penyiraman dan pembajaan yang betul. Bab ini juga akan menghuraikan beberapa gejala dan penyebab masalah atau penyakit pada tanaman hiasan dalaman.

● **Bab 4** menerangkan teknik pembiakan tanaman hiasan dalaman.

Tanaman hiasan dalaman, yang majoritiannya jenis dedaun (*foliage plants*), biasanya dibiakkan secara tampang melalui keratan batang, pucuk berdaun, keratan daun, ubi ataupun pengasingan anak, pembahagian rumpun dan lenturan. Bab ini juga akan membincangkan pembiakan kaktus melalui teknik khas.

● **Bab 5** memberi fokus kepada teknik memperkenalkan tanaman hiasan dalaman secara kreatif dalam sesuatu ruang. Teknik penyedian terarium dan ‘taman botol’ (*bottle garden*) juga dihuraikan secara terperinci.

Bab ini juga akan memberi perhatian kepada aspek pemilihan bekas atau pasu bagi tanaman hiasan dalaman. Selain itu, dihuraikan juga penggunaan pelbagai bentuk bekas atau pasu dalam seni hias dalaman.

Tambahan pula, teknik menukar bekas atau pasu turut diperjelas langkah demi langkah dalam bentuk gambar rajah.


● **Bab 6** pula memaparkan jenis tanaman yang sesuai digunakan untuk landskap dalaman. Tidak semua tanaman

Headline	KP FRIM terima Anugerah Tokoh Buku Penyelidikan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	679 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,629

sesuai ditanam dalam semua ruang.

Ciri setiap tanaman, seperti keperluan pertumbuhan, warna, tekstur dan fungsi,

perlu diketahui sebelum dipilih untuk seni landskap dalaman.



BUKU *Seni Taman dan Hiasan Dalaman* tebrikitan FRIM dan DBP.



AHMAD ZAHID HAMIDI (tengah) bersama barisan pemenang Anugerah Buku Nasional yang ibu negara baru-baru ini.



DR. ABDUL LATIF menerima anugerah daripada Dr. Ahmad Zahid Hamidi.